

Exco Pemuda UMNO mungkin dirombak — Hisham

UM 18 JAN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jan. — Barisan Exco Pemuda UMNO termasuk di negeri-negeri mungkin dirombak pada bila-bila masa berdasarkan keperluan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, jika perlu, rombakan berkenaan akan melibatkan semua negeri dan tidak terhad kepada kepimpinan Pemuda UMNO Kelantan sahaja.

Katanya, beliau tidak akan teragak-agak untuk menukar pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO yang gagal melaksanakan tanggungjawab, menggerakkan jentera pilihan raya di peringkat negeri dan melaksanakan amanah yang diberikan.

“Kami akan memastikan mereka yang terlibat di dalam pilihan raya akan datang adalah mereka yang benar-benar berwibawa dan komited.

“Tidak semestinya mereka yang memegang jawatan di dalam parti layak diiktiraf sebagai pemimpin, apa yang penting ialah komitmen dan sumbangan kepada parti,” kata beliau ketika mengulas mengenai perubahan dalam kepimpinan UMNO Kelantan yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam.

Beliau ditemui pemberita selepas melancarkan logo perikatan keamanan Peace Malaysia di Kuala Lumpur City Centre di sini, hari ini.